

**TALKING POINT SIDANG MEDIA**  
**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
**MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**SELAKU Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN**

---

1. Bismillahirrahmanirrahim
2. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
3. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia berasa dukacita terhadap nasib yang menimpa rakyat Palestin. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia akan mengambil daya usaha untuk membantu daripada aspek keperluan barangan dan peralatan berkaitan pendidikan dan kebajikan mereka secara amnya.
4. Saya difahamkan dana aktiviti Agensi Bantuan dan Kebajikan untuk Penduduk Pelarian Palestin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) dibiayai hampir sepenuhnya oleh sumbangan sukarela dari negara anggota PBB. Apa yang menyedihkan pada masa ini agensi tersebut berhadapan masalah kewangan yang serius dan memerlukan lebih RM800 juta dana sehingga akhir tahun ini bagi membiayai pelbagai projek dan bantuan.
5. Sekiranya keadaan tersebut berterusan akan menyebabkan sekolah-sekolah untuk rakyat Palestin mungkin tidak dapat dibuka tepat pada waktunya Ogos ini. Perkhidmatan lain yang juga mula terjejas awal Julai ini termasuk aktiviti kemanusiaan khususnya pembiayaan bantuan makanan kecemasan kepada pelarian Palestin di Gaza dan Syria juga berdepan risiko.
6. UNRWA mula berdepan krisis kewangan teruk sejak awal tahun ini apabila Amerika Syarikat menarik balik lebih RM1 bilion (AS\$300) juta sumbangannya dan ini merupakan krisis kewangan yang paling teruk dihadapi oleh agensi tersebut sejak penubuhannya pada tahun 1949, selepas penubuhan negara Israel.
7. Kerajaan yakin ramai rakyat Malaysia yang prihatin dan terpenggil untuk membantu rakyat Palestin. Justeru YKN sebagai sebuah tabung kebajikan yang ditubuh dan dikawalselia Kerajaan membuka tabung derma untuk membantu pihak UNRWA.
8. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun **YKN-Tabung Rakyat Palestin** di akaun **Alliance Islamic Bank (No. Akaun) : 160140010011300**
9. Orang ramai yang ingin mengetahui maklumat lanjut berkaitan tabung derma YKN-Tabung Rakyat Palestin boleh menghubungi Sekretariat YKN-Tabung Rakyat Palestin di talian 03-8323 2451

Sekian, terima kasih.